



**Pengurus besar dan pengurus akaun GLC** disyaki terima rasuah lebih RM800,000 bagi projek kontrak sistem jalur lebar kerajaan direman di Mahkamah Majistret Putrajaya.

## 2 pengurus GLC direman terima rasuah RM800,000

**Kuala Lumpur:** Dua individu iaitu pengurus besar dan pengurus akaun bagi sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) direman disyaki menerima rasuah lebih RM800,000 bagi projek kontrak sistem jalur lebar kerajaan.

Kedua-dua mereka sebelum itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada jam 4.30 petang kelmarin, sejourus dipanggil

membantu siasatan.

Difahamkan, projek jalur lebar itu bernilai jutaan ringgit dan mereka disyaki menerima rasuah daripada syarikat pembekal ketika pelaksanaan kontrak berkenaan.

Pengarah Siasatan SPRM, Datuk Norazlan Mohd Razali berkata, pihak SPRM sudah menggeledah beberapa premis yang mempunyai kaitan dengan suspek di sekitar

Lembah Klang.

"Hasil siasatan SPRM mendapati, kedua-dua mereka melakukan kesalahan itu bermula pada 2012 sehingga 2016," katanya di sini, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan reman selama lima hari bermula sehingga 15 Jun ini oleh Majistret Tuan Shah Wira Abdul Halim di Mahkamah Majistret Putrajaya.